

# Siri Bersama PENULIS JEMPUTAN

## MENGAPA ANDA PERLU MENULIS?

Hasreeyati Ramli

UiTM Cawangan Kedah, 08400 Merbok, Kedah

[rihas@uitm.edu.my](mailto:rihas@uitm.edu.my)



Mengapa anda perlu menulis? Sepertimana mengapa anda perlu membaca, menulis adalah satu perlakuan yang terjadi secara semulajadi apabila seseorang itu ada naluri untuk menulis. Percaya atau tidak, inilah hakikatnya. Menulis ialah satu luahan rasa seorang penulis. Apabila seseorang itu mula menulis, dia tidak akan senang duduk jika sehari dia tidak menulis walau serangkap cuma. Jika dahulunya kita seorang yang sering menulis di dalam diari, namun kini, dengan perkembangan teknologi yang pesat, adanya laptop dan PC membuatkan apa yang kita ingin tulis adalah lebih mudah. Tidak ketinggalan juga, sekiranya kita mempunyai telefon bimbit atau tablet, kita masih boleh menulis. Oleh itu, alasan untuk tidak menulis adalah satu perkara yang tidak masuk dek akal sama sekali. Ketika saya masih kecil dahulu, saya seringkali disogokkan dengan buku oleh kedua orang tua yang bertugas sebagai guru.

**“Oleh itu, dunia saya memang dikelilingi oleh buku. Malah perpustakaan memang menjadi tempat lepak saya ketika saya masih di sekolah rendah lagi!” – Hasreeyati.**

Walaupun terpaksa mengayuh basikal sejauh 24 kilometer pergi dan balik untuk ke Perpustakaan Negeri Perlis yang ketika itu hanyalah sebuah perpustakaan kayu di bawah pokok yang merimbun besar. Tidak saya lupai ialah ayah saya akan membekalkan saya duit saku sebanyak 50 sen untuk saya membeli jajan sebagai lapik perut. Ketika itu, air sirap hanyalah 10 sen sahaja dan kuih-muih dijual sebiji 5 sen. Saya akan berada di sana selama sekerat hari dan perjalanan pulang di bawah terik panas matahari tidak menghalang saya untuk setiap hari Sabtu saya ke sana.

Itulah antara pengalaman saya kerana terlalu cintakan buku. Dari pembacaan yang meluas itulah saya mula menulis dan ketika di sekolah rendah saya sudah berjinak-jinak dengan menghantar karangan-karangan pendek ke Majalah Kuntum, Majalah Bujal, Utusan Pelajar dan Dewan Siswa. Apabila tersiar, saya sudah berasa amat gembira dan menunjukkan hadiah cenderahati yang diberikan oleh pihak majalah kepada kawan-kawan di sekolah rendah. Walaupun ianya hanya sebuah rantai kunci.



# Siri Bersama

## PENULIS JEMPUTAN

Lucu bila diingatkan kembali, namun itulah pembakar semangat saya untuk berterusan menulis kerana cinta saya pada buku dan bidang penulisan. Bagaimana mahu menulis? Tetapi tidak tahu cara untuk mula menulis? Hmm... bagi saya, apa yang saya lakukan ialah banyak membaca buku-buku dari pelbagai genre dan tema. Juga membaca surat khabar dan apa sahaja artikel dalam pelbagai bahasa. Saya masih ingat lagi ketika kecil, ayah dan arwah mak saya merupakan guru sekolah. Oleh itu, mereka akan membelikan saya satu set buku Hardy Boys, Nancy Drew, Secret Seven dan kisah-kisah kanak-kanak yang lainnya di dalam Bahasa Inggeris sebagai pencetus semangat untuk saya sentiasa mendapat nombor satu di dalam kelas!

Oleh itu, menulishlah setiap hari walaupun di dalam kereta menunggu anak keluar dari pintu pagar sekolah. Tidak ada laptop? Tidak ada masalah. Asalkan ada telefon bimbit. Download aplikasi Words yang ada. Boleh menaip dan terus hantar ke emel anda. Jadi alasan untuk tidak menulis bukan lagi menjadi masalah, kan? Selamat menulis. Hingga ke temu lagi di lain bicara.

Wassalam.

*Salam Sayang,*  
*Hasreeyati*  
*Ramli*